



# KENYATAAN MEDIA

## **KEJADIAN BENCANA GEOLOGI TANAH RUNTUH DI BEBERAPA LOKASI DI KOTA KINABALU, SABAH; CAMERON HIGHLANDS, PAHANG DAN KEMENSAH HEIGHTS, AMPANG, SELANGOR**

Beberapa kejadian bencana geologi tanah runtuh telah berlaku di beberapa kawasan seluruh negara sejak beberapa hari lalu turut menyebabkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda.

Pada 15 September 2021, kejadian tanah runtuh telah berlaku di tapak pembinaan Forest Hill Residences Condo Jalan Bundusan, Kota Kinabalu, Sabah. Kejadian ini menyebabkan tiga (3) mangsa kehilangan nyawa iaitu seorang wanita berumur 25 tahun, seorang kanak-kanak perempuan berumur 5 tahun dan bayi perempuan berusia 8 bulan. Pada 16 September 2021 pula, satu kejadian bencana geologi tanah runtuh telah dilaporkan berlaku di KM 0.1 Jalan Sungai Palas, Cameron Highlands, Pahang yang melibatkan kematian seorang (1) warga tempatan. Manakala yang terbaru adalah pada 17 September 2021, telah berlaku tanah runtuh di Kemensah Heights, Ampang, Selangor. Dalam kejadian tersebut seramai 28 keluarga yang mendiami rumah teres 2 tingkat telah terjejas dan diarah mengosongkan kediaman masing-masing. Walau bagaimanapun, tiada sebarang kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan.

Daripada laporan kejadian yang disediakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains, Malaysia (JMG) menyatakan kejadian tersebut dicetuskan oleh faktor hujan sama ada yang turun secara berlebihan atau turun dalam tempoh masa yang lama. Faktor pencetus ini bersama faktor penyumbang lain seperti bahan geologi dan morfologi cerun di tempat kejadian telah menyumbang kepada berlakunya kegagalan cerun dan mengakibatkan tanah runtuh berlaku.

Bencana geologi tanah runtuh telah dikenal pasti menjadi suatu ancaman yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda hingga membawa kerugian besar kepada negara. Dalam hal ini, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui JMG mempunyai kepakaran dalam bidang geologi dan diberi tanggungjawab untuk menjalankan siasatan apabila berlaku bencana tanah runtuh.

Pemeriksaan tapak bencana dilaksanakan di dalam tempoh 24 jam sebaik sahaja menerima maklumat kejadian tanah runtuh. Penilaian tahap keselamatan dibuat sejurus tiba di tapak bencana bagi memastikan kumpulan penyiasat JMG dan Agensi Tindakbalas seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) termasuk Agensi Teknikal seperti JPS dan JKR tidak terdedah kepada ancaman runtuh susulan.

Bagi tujuan kesiapsiagaan dan pengurusan bencana, pihak JMG melaksanakan penzonan kawasan bencana mengikut tahap risiko yang terbahagi kepada dua (2) iaitu zon bahaya dan zon kawalan. Zon Bahaya berada dalam perimeter jasad tanah runtuh manakala Zon Kawalan adalah kawasan yang mengelilingi Zon Bahaya yang mempunyai ciri-ciri geologi dan geomorfologi cerun yang sama dengan Zon Bahaya serta terdapatnya tanda-tanda pergerakan tanah. Kesemua inisiatif yang dilaksanakan ini adalah berdasarkan Prosedur Operasi Standard Di Kawasan Zon Bencana Tanah Runtuh (JMG. SOP.01).

Penglibatan KeTSA melalui JMG dalam usaha ini akan membantu pihak Agensi dan Kerajaan Negeri dalam membuat keputusan untuk melaksanakan tindakan susulan mitigasi serta penentuan keselamatan tapak bagi kawasan yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh ini agar lebih banyak kehilangan nyawa dapat dielakkan dan kerosakan harta benda dapat diminimumkan.

## **KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI**

19 September 2021